

**NO. SOALAN : 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Jumat Bin Idris [ Sepanggar ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan beberapa replika Batu Bersumpah yang menyerupai Batu Bersumpah Keningau dibina di beberapa tempat di negeri Sabah. Adakah perkara ini menyalahi undang-undang dan apakah tindakan Kementerian dalam perkara ini.**

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, membina replika Batu Bersumpah tidak menyalahi undang-undang, asal sahaja dipersetujui oleh pihak berkuasa berkaitan mahupun komuniti terlibat dan mestilah menepati ciri-ciri aslinya. Namun pembinaan replika ini perlu disertakan dengan penerangan yang jelas di beberapa tempat di Sabah agar dapat meningkatkan kefahaman masyarakat dan mengukuhkan keharmonian semua pihak. Batu Bersumpah ini akan diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 setelah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.